

# BAHASA MELAYU SEBAGAI TERAS JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK PILIHAN TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

## *(Malay Language as the Foundation of National Identity in the Selected Poetry Publications of Dewan Bahasa dan Pustaka)*

Syaidul Azam Kamarudin

syaidul@dbp.gov.my

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Published online: 3 December 2018

To cite: Syaidul Azam Kamarudin. (2018). Bahasa Melayu sebagai teras jati diri kebangsaan dalam sajak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature* 31(2), 263 – 286.

---

### Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jati diri kebangsaan merupakan elemen penting dalam pembinaan negara bangsa. Kerajaan telah memberikan tumpuan khusus tentang kepentingan perpaduan dan kesepaduan nasional sebagai teras untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri kebangsaan yang kental setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Analisis kajian ini menggunakan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 sebagai kerangka konseptual dengan tumpuan terhadap aspek bahasa Melayu sebagai teras jati diri kebangsaan. Kajian ini dilakukan dengan menganalisis kandungan yang terdiri daripada sajak-sajak terpilih terbitan DBP dari tahun 2010 sehingga tahun 2015. Dapatan kajian mendapati sajak-sajak yang dikaji memperakukan bahawa bahasa Melayu sebagai teras jati diri kebangsaan.

Kata kunci: jati diri Kebangsaan; Dasar Kebudayaan Kebangsaan; Dewan Bahasa dan Pustaka, sajak

***Abstract***

The aim of this study is to analyse the theme of national identity in the poetry publications of Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). National identity is an important element in nation building. The government has emphasized on national identity and national unity as the foundation for creating a Malaysian nation with a strong national identity since the 13th May 1969 incident. This analysis uses the principles of the National Cultural Policy (formulated in 1971) as the conceptual framework, with focus on the Malay language as the foundation for a national identity. For this study, the content of the selected poetry published by DBP between 2010 and 2015 were analysed. The findings show that the poetry publications studied acknowledge the Malay language as the foundation for national identity.

Keywords: national identity, National Cultural Policy; Dewan Bahasa dan Pustaka, selected poems

**PENDAHULUAN**

Malaysia terdiri daripada rakyat berbilang kaum dengan kepelbagaian latar budaya. Dalam konteks ini, jati diri kebangsaan (JDK) menjadi aspek penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan harmoni. Hal ini mendapat perhatian yang serius sejak awal negara ditubuhkan.

Kesan terhadap pergolakan antara kaum antaranya dapat dilihat dalam peristiwa 13 Mei 1969. Pada 13 Mei 1969 telah berlaku rusuhan kaum di Malaysia. Peristiwa berdarah 13 Mei ini, menjadi episod hitam dalam sejarah negara dengan angka kematian dan kemusnahan harta benda. Peristiwa ini menunjukkan reaksi kemuncak pergolakan kaum yang telah berlaku di Malaysia. Kua Kia Soong (2008, pp. 10 – 11) dalam kajiannya menyatakan bahawa:

Perangkaan rasmi menunjukkan bahawa semasa kekacauan sivil 13 Mei 1969, 196 dibunuh, 180 tercedera oleh senjata api dan 259 tercedera oleh senjata-senjata lain. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara, seramai 9,143 orang telah ditangkap dan 5,561 daripada mereka telah dituduh di Mahkamah. Semasa rusuhan tersebut berlaku 6,000 orang kehilangan rumah mereka, sekurang-kurangnya 211 buah kenderaan rosak atau musnah sementara 753 buah bangunan rosak atau hangus akibat kebakaran.

Kesannya, darurat telah diisytiharkan dan Parlimen digantung selama dua tahun serta pindaan terhadap perlembagaan yang mengehendkan kebebasan bersuara dan Akta Hasutan 1948 (Nazri Muslim 2017, p. 24). Di Malaysia selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei, usaha untuk merangka perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan (JDK) ini dapat dilihat dengan jelas. Umpamanya, kerajaan telah mewujudkan Rukun Negara dan melaksanakan dasar-dasar tertentu untuk menyatupadukan semua kaum antaranya termasuklah Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).

Menurut Jeniri, (2015, pp. 8 -13) seperti Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) digubal ekoran tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Semua dasar yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan, bahasa, dan budaya selepas itu menjadikan perpaduan dan kesepaduan sosial sebagai tunjang pembinaan negara bangsa supaya akhirnya akan lahir bangsa Malaysia yang memiliki jati diri.

## **KONSEP JATI DIRI KEBANGSAAN**

Perbincangan seterusnya membincangkan konsep “Jati Diri Kebangsaan” (JDK) yang akan digunakan dalam kajian ini. Abdul Latiff, (2004, p. 14) menjelaskan bahawa dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum sewajarnya mempunyai warisan bahasa, agama dan kebudayaan dalam kehidupan sendiri. Berdasarkan warisan ini setiap bangsa dan suku mempunyai harga diri yang menggambarkan watak peribadi yang dikenali sebagai jati diri. Asas jati diri ialah kekuatan dalaman (jiwa dan perasaan), kecekalan ketabahan dan segala yang membawa maksud teguh yang berpasak kukuh dalam diri sehingga tidak dapat diganggu gugat. Amat Johari Moain (2017, p. 101) berpendapat bahawa, apa-apa sahaja yang bersifat kebangsaan di Malaysia ini mestilah berasaskan kebudayaan Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam. Namun demikian, unsur-unsur kebudayaan daripada kaum lain boleh dimasukkan dan diserap dalam kebudayaan kebangsaan melalui proses penyerapan yang sesuai dan diterima oleh masyarakat.

Bagi tujuan kerangka konseptual, JDK dalam konteks di Malaysia dapat dikaitkan dengan tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) seperti yang berikut:

- (a) Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.

- (b) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
- (c) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Sesuai dan wajar disebut dalam konsep kedua itu haruslah diertikan dalam konteks konsep pertama dan ketiga itu, tidak daripada nilai-nilai yang lain. Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini, perbincangan tertumpu pada prinsip pertama DKK sahaja, iaitu Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.

### **Kebudayaan Kebangsaan Malaysia Hendaklah Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini**

Setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu telah menetapkan “kontrak sosial” sebagai perkara yang utama dan dikategorikan sebagai unsur yang penting dalam kategori yang sensitif. Amat Juhari menjelaskan tindakan Timbalan Perdana Menteri dalam mengatur kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menjadi sebuah negara merdeka yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum yang bersatu padu. Caranya adalah dengan menetapkan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Kemudian diatur sistem pendidikan negara dengan mengadakan dasar pendidikan yang sama di seluruh negara dan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utamanya. Dengan cara begitu, rakyat negara ini akan dapat disatukan melalui sistem pelajaran dan sukatan pelajaran yang sama, bahasa pengantar utama yang sama dan kewarganegaraan yang sama. Antara perkara yang dimasukkan dalam kontrak sosial ini ialah kedudukan Raja-raja Melayu; agama Islam menjadi agama negara. Pada masa yang sama penganut-penganut agama lain dihormati; bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, tetapi bahasa lain bebas dipelajari; kedudukan istimewa orang-orang Melayu tetapi tidak mengurangkan hak-hak asasi bukan Melayu dan ; kewarganegaraan tidak boleh dipertikaikan (2017, pp. 97 – 98).

Terdapat beberapa elemen yang boleh menjadi pendorong dalam pembinaan jati diri kebangsaan. Antaranya termasuklah Dasar Bahasa sesebuah negara. Bagi negara Malaysia, pemilihan dasar bahasanya bertujuan membentuk negara bangsa (rakyat) yang bersatu padu yang terdiri daripada

pelbagai etnik. Melalui ilmu pengetahuan yang diungkapkan dan disebarkan dalam satu bahasa, rakyat dapat berganding bahu dan bersatu padu melalui pewujudan jati diri kebangsaan yang jitu. Dalam konteks ini, bahasa etnik lain dibenarkan diajarkan dalam sistem pendidikan negara dan turut dikenali sebagai bahasa sukuan. Hal ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan pada perkara 152 yang membicarakan status bahasa Melayu selaku bahasa negara, yakni sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi.

Menurut (Smith, p. 2001), penelitian tentang nasionalisme selalunya mendapati bahasa khususnya yang dimiliki bersama ialah komponen asas lagi utama untuk membentuk satu populasi sebagai satu bangsa. Sebagai penanda simbolik dan bukti nyata jati diri atau identiti seseorang atau kumpulan, bahasa mempunyai potensi untuk berfungsi sebagai alat pemersatu melalui perasaan yang dikongsi bersama tentang jati diri serta perasaan tentang kepentingan kelompok.

Penekanan konsep penting berdasarkan prinsip pertama Dasar kebudayaan Kebangsaan (DKK) Malaysia, haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini, yang turut membawa maksud bahawa bahasa Melayu sebagai unsur utama wadah pemersatu bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri kebangsaan yang jitu. Prinsip ini juga berhasrat untuk mewujudkan JDK (2017), iaitu membina negara bangsa melalui bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan, teras pertama DKK negara Malaysia ialah “kebudayaan asal rantau ini” yang dengan jelas bermaksud kebudayaan Melayu, iaitu kebudayaan yang telah menjadi asas tamadun besar di rantau alam Melayu (dan juga rantau Asia Tenggara, dalam konteks moden). Salah satu asas kekuatan kebudayaan Melayu yang menjadi tunjang tamadun rantau ini sejak zaman Srivijaya pada abad ketujuh dan meningkat dengan amat jelasnya pada zaman kesultanan Melayu (bermula sekitar abad kesembilan atau kesepuluh) ialah bahasa Melayu yang menjadi wahana kehidupan umat Melayu dan umat lain, sama ada yang bermastautin atau yang berurusan dengan rantau ini. Di kepulauan Melayu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa tonggak tamadun dengan peranannya sebagai lingua franca dan juga bahasa pengembangan ilmu, sastera agama, sejarah, perubatan, undang-undang dan juga sebagai bahasa perhubungan diplomatik (2017, p. 103). Sehubungan dengan itu, jelaslah bahasa Melayu yang mempunyai sejarah yang panjang dengan tradisi agung budaya dan kesusasteraan Nusantara. Sewajarnya bahasa ini menjadi tonggak pembinaan tamadun negara Malaysia.

Lanjutan itu, perkaitan DKK dengan bahasa Melayu sebagai jati diri kebangsaan ini, Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid (2017, p. 50)

menghujahkan bahawa salah satu teras penting DKK ialah bahasa, iaitu bahasa Melayu. Dalam Perlembagaan diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Beliau menganggap bahawa Dasar Bahasa dan Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dua teras atau pengukuh kepada DKK. Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan untuk menyatupadukan penduduk Malaysia (melalui bahasa kebangsaan dan sistem pendidikan kebangsaan yang sama. Tidak seperti dalam zaman pemerintahan British). Penyatupaduan ini juga merupakan matlamat jangka panjang DKK. DKK memerlukan suatu alat budaya yang sudah mencapai tahap “superetnik” dalam perkembangannya atau yang bertaraf kebangsaan, untuk mengungkapkan dan mengembangkan budaya bangsa, budaya ilmu, “budaya maju”, berdasarkan visi DKK. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa antara elemen DKK yang penting ialah bahasa Melayu.

Dengan itu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mula diperluas. Menurut Amat Juhari Moain lagi, hasil daripada dasar baharu ini masyarakat Malaysia bersatu padu, disatukan oleh satu bahasa yang sepunya, iaitu bahasa Melayu. Mereka menggunakan bahasa ini untuk berinteraksi, bertukar-tukar fikiran, meluahkan perasaan, membuat cadangan, mencari jalan yang terbaik dalam mengukuhkan masyarakat Malaysia seluruhnya, dan juga untuk memperbaiki dan meluruskan kefahaman dalam kalangan mereka. Di samping itu, matlamat untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu mula terserlah. Seterusnya, bahasa Melayu menjadi bahasa nasional yang mesti dijunjung tinggi sesuai dengan semangat Perlembagaan Negara dan Akta-akta Parlimen. Kebudayaan Melayu termasuk bahasanya menjadi teras kebudayaan kebangsaan dan agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan (2017, p. 101).

Maka dengan ini jelaslah bahawa bahasa Melayu telah dijadikan asas yang kukuh dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam membentuk jati diri dan citra kebangsaan bagi negara ini. Bermula daripada asas sejarah, maka amat wajar dasar-dasar tersebut dipertahankan sebagai teras jati diri kebangsaan dalam konteks di Malaysia. Dasar tersebut telah menjadi elemen pemersatu rakyat Malaysia, dan terbukti berjaya memupuk perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat dan membawa kemakmuran kepada negara. Pemahaman tentang sejarah dan kenegaraan dengan lebih mendalam perlu dilestarikan dalam merealisasikan cita-cita dan harapan bangsa Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan dilakukan secara analisis kandungan untuk meneliti jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak terbitan DBP. Oleh itu, kajian ini menerapkan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) melalui prinsip pertamanya, iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.

### **Bahasa Melayu Sebagai Teras Jati Diri Kebangsaan**

JDK yang mencerminkan pemilikan bersama dalam kalangan rakyat dapat direalisasikan melalui penggunaan bahasa Melayu yang menyeluruh dan berperanan sebagai bahasa perpaduan. Dalam membincangkan JDK peranan bahasa Melayu tidak dapat dinafikan. Bahasa Melayu dapat dikaitkan secara langsung dengan kebudayaan dan peradaban Melayu yang tinggi dan dihormati. Seterusnya, dalam membina JDK dalam kalangan rakyat Malaysia, elemen pemertabatan bahasa Melayu diberikan perhatian yang serius sebagai unsur pemersatu rakyat Malaysia. Pelaksanaannya dilaksanakan melalui dasar kerajaan meliputi sistem pendidikan seluruh negara ketika itu. Jika dilihat dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971), telah ditetapkan bahawa peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyatuan adalah “fundamental” dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dan ia juga merupakan strategi jangka panjang untuk mewujudkan Malaysia yang bersatu padu.

Selain itu, Abdul Latiff Bakar (2017, p. 133) turut menjelaskan bahawa, bahasa Melayu yang mempunyai sejarah yang panjang dengan tradisi agung budaya dan kesusasteraan Nusantara tetap menjadi paksi bagi jati diri bangsa Malaysia. Oleh itu, bahasa Melayu sewajarnya terus menjadi tonggak atau asas bagi pembinaan tamadun negara Malaysia pada masa ini dan akan datang. Pada masa ini, negara Malaysia dapat disebut sebagai sebuah negara bangsa, iaitu negara yang memiliki satu rupa bangsa Malaysia, satu bahasa kebangsaan, dan satu matlamat pembangunan negara maju yang menjelma dalam wawasan 2020.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Pemertabatan Bahasa Melayu**

Melalui analisis, dapat dikesan pengungkapan penyair berkenaan isu pemertabatan bahasa Melayu dalam meningkatkan perpaduan rakyat seterusnya mengapresiasi JDK dalam konteks di Malaysia. Bahasa

merupakan elemen yang sangat penting. Jika dikaitkan dengan pembinaan JDK di Malaysia, kebersamaan dapat diwujudkan melalui penggunaan satu bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu. Rakyat dapat berkomunikasi dan menjalinkan hubungan yang baik dan muhibah walaupun berlainan kaum. Seterusnya, rakyat dapat memupuk persefahaman ke arah pembinaan negara bangsa yang unggul. Inilah identiti ataupun JDK yang ingin dibentuk dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum berdasarkan prinsip DKK itu.

Pemartabatan bahasa Melayu ialah perihal usaha dan peranan yang dilakukan oleh pihak tertentu. Dalam konteks ini, usaha dan peranan DBP terhadap perancangan bahasa Melayu yang dapat mengangkat JDK. Usaha yang dilakukan oleh DBP antaranya dapat dilihat melalui sumbangan para penulis. Isu ini disuarakan dan digambarkan melalui harapan dan keresahan penulis.

Bahasa merupakan medium utama dalam sesebuah karya sastera. Dalam sajak yang bersifat terhad dan lebih ringkas, pemilihan kata terbaik, iaitu yang tepat dan terpilih menjadi keutamaan penulis. Berdasarkan kreativiti, penulis sentiasa berusaha memilih kata yang sesuai bagi menyampaikan pemikirannya dalam memberikan kesan kepada pembaca terhadap sesuatu isu yang ingin diketengahkan. Dalam penelitian sajak, dengan merujuk kepada penggunaan bahasa dan pemilihan kata, akan dapat ditemui cerminan masyarakat yang cuba diketengahkan dalam sajak. Sebagai contoh, dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk dengan pelbagai fahaman budaya, peranan bahasa menjadi keutamaan dalam memantapkan JDK dengan jalinan semangat muhibah dan toleransi. Pemahaman terhadap JDK serta cabaran terhadapnya cuba diketengahkan secara jujur oleh penulis dalam sajaknya.

Oleh hal yang demikian, beberapa sajak cenderung mengemukakan isu pemartabatan bahasa Melayu sebagai isi sajak. Ini seperti yang diungkapkan oleh penyair Nassury Ibrahim berjudul “Pohon Bahasa” (*Gelodak Rasa*, 2014, p. 47) seperti di bawah:

Jagalah pohon bahasa  
walau tidak rendang  
ia pohon pusaka

dahulu pohon pusaka rendang daunnya  
burung dan musafir bersilih masa  
menikmati teduh  
dahulu pohon bahasa lebat buahnya



santapan raja dan sida-sida  
pun tetamu korporat  
marilah kita baja pohon bahasa kita  
semoga rendang daun dan lebat buahnya  
kekal ke akhir bangsa

inilah pohon hikmat pusaka kita  
tumbuhnya di alur lidah  
segarnya di bibir bangsa

mari kita baja  
pohon bahasa kita.

Dalam sajak di atas, penulis menyentuh persoalan tentang pemertabatan bahasa Melayu. Menurut penulis, bahasa Melayu merupakan aset bangsa yang bernilai. Bahasa dalam sajak ini diumpamakan seperti pohon yang hidup. Seperti kata penulis, *Jagalah pohon bahasa, walau tidak rendang, ia pohon pusaka.*

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting dan digunakan sejak sekian lama. Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang digunakan secara meluas termasuk sebagai bahasa istana, bahasa ilmu, bahasa undang-undang, bahasa perhubungan diplomatik, yang digunakan pegawai dan pendeta istana, dan pedagang serta utusan yang datang dari seluruh pelosok dunia seperti kata penulis, *dahulu pohon bahasa lebat buahnya, santapan raja dan sida-sida, pun tetamu korporat.* Walau bagaimanapun, bahasa Melayu pada hari ini terpinggir. Penggunaannya tidak semeriah dahulu. Malah ada dalam kalangan bangsanya sendiri menolaknya untuk digunakan dalam sistem pendidikan seterusnya sebagai bahasa ilmu. Oleh sebab itu, penulis menyeru agar bahasa Melayu dipelihara dan digalakkan penggunaannya untuk diwariskan kepada generasi akan datang melalui ungkapan *marilah kita baja pohon bahasa kita, semoga rendang daun dan lebat buahnya, kekal ke akhir bangsa.*

Bahasa berfungsi sebagai alat untuk menyatakan maksud tertentu dan dapat dikenal pasti melalui pemilihan kata penulisnya. Dalam sajak di atas, perulangan ungkapan kata “pusaka” pada rangkap 1, 2 dan 5 menimbulkan kesan penghayatan terhadap JDK. Hal ini demikian kerana ungkapan kata “pusaka” merupakan tanda atau lambang yang menggambarkan khazanah yang harus dipelihara. Dalam konteks sajak tersebut membawa maksud JDK yang berkait secara langsung dengan usaha pemertabatan bahasa Melayu. Kata “pusaka” yang digunakan oleh penyair berasaskan pertimbangan

sosial bahawa bahasa Melayu ialah bahasa milik rakyat asal seperti yang terkandung dalam prinsip pertama DKK.

Sehubungan dengan itu, penyair prihatin menyuarakan isu tentang pemertabatan bahasa Melayu. Isu ini dalam sajak merupakan gambaran pemikiran penulis yang bertujuan untuk memantapkan JDK melalui bahasa Melayu. Dalam sajak di atas, penulis berharap agar usaha memperkaya bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang dapat dipertingkatkan berdasarkan keupayaan dan potensi yang meyakinkan. Bahasa Melayu sebagai JDK bertepatan dengan prinsip DKK yang pertama, iaitu Kebudayaan rakyat asal rantau ini dijadikan teras Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Oleh sebab itu, semua rakyat di negara ini harus bersama-sama merealisasikan pembinaan negara bangsa yang berjati diri dan bermaruah melalui usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Seterusnya, isu tentang pemertabatan bahasa Melayu dapat dilihat dalam sajak oleh Ahmad Razali Yusuf yang berjudul “Puisi dari Benua Diam” (Di Negara Bayang, 2011, p. 93). Hal ini dapat dilihat dalam petikan seperti di bawah:

...  
Bukit Timbalan, tempat aku bermula  
melabuh sauh  
kami bermukim sambil mengatur  
dan mencetus ruang-ruang mimpi  
dari gelodak dan keparahan  
tangis tragis pantun terukir  
maruah terjulang bagai perawan waktu  
yang sering meniduri alam puisiku  
kata keramat terpancang di Balai Budaya  
Bahasa Jiwa Bangsa meraung  
dalam gema muzik Saiful Bahari  
dan lirik sinis Usman Awang

...  
bahasa keris yang tertikam rusuk  
ruang dewan dan balar para penghuni  
mengatur langkah duka mencari tafsir  
terbenam dalam akta yang luka  
membarah, menusuk daging khayalku.

...  
Dalam sajak di atas penulis menyentuh tentang isu pemertabatan bahasa

Melayu. Penulis mengimbas kembali kewujudan DBP yang bermula di Bukit Timbalan pada tahun 1956. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memartabatkan bahasa Melayu bagi keperluan sebuah negara yang akan merdeka melalui ungkapan *Bukit Timbalan, tempat aku bermula melabuh sauh, kami bermukim sambil mengatur, dan mencetus ruang-ruang mimpi, dari gelodak dan keparahan*. Walau bagaimanapun, peranan DBP dalam memartabatkan bahasa Melayu dilihat penyair sebagai tidak mendapat perhatian yang serius oleh pihak berkuasa walaupun telah termaktub dalam akta. Hal ini tergambar dalam ungkapan penulis seperti kata keramat *terpancang di Balai Budaya, Bahasa Jiwa Bangsa meraung, bahasa keris yang tertikam rusuk, terbenam dalam akta yang luka, memarah, menusuk daging khayalku*. Penulis yang menggambarkan perasaan dukacitanya tentang hal tersebut seperti ditikam keris. Akta pula diberikan gambaran perorangan atau personifikasi, iaitu mengalami luka yang parah.

Isu tentang pemartabatan bahasa Melayu yang dinyatakan oleh penulis dalam sajak di atas merupakan manifestasi pemikiran penulis terhadap nasib bahasa Melayu di tanah airnya sendiri. Adalah penting kedudukan bahasa Melayu dikukuhkan sepenuhnya dalam pelbagai urusan rasmi kerana telah termaktub dalam perlembagaan khususnya bagi masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu menjadi asas yang kukuh dalam pengukuhan JDK bangsa Malaysia. Selain itu, hal ini selaras dengan prinsip DKK yakni kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kebudayaan asal rantau ini dengan jelas membawa maksud kebudayaan Melayu dan salah satu tunjang kebudayaan Melayu ialah bahasa Melayu. Oleh sebab itu penulis berasa bimbang sekiranya kedudukan bahasa kebangsaan dicabar seterusnya gagal dipertahankan sebagai bahasa yang dapat memupuk perpaduan dan JDK.

Selanjutnya, suara penyair tentang isu pemartabatan bahasa Melayu dikesan dalam sajak oleh Awang Sariyan berjudul “Maaf Hamba Bertanya” (*Mencari Makna Diri*, 2012, p. 22). Sajak ini cenderung melontarkan fikiran berbentuk pertanyaan dalam menonjolkan isu pemartabatan bahasa Melayu. Dalam konteks yang lebih luas penyair dapat mengaitkan beberapa unsur lain yang telah dipersetujui sebagai unsur yang harus dipertahankan dalam membina negara bangsa. Hal ini terakam dalam petikan berikut:

...

Masihkah tuan hamba percaya?  
Tamadun kita sudah cemerlang, gemilang dan terbilang  
pada zaman kesultannya  
di serata pelosok Alam Melayu  
wujud kerajaan dengan daulatnya  
hidup bersendikan adat, adat bersendikan syarak

...

Masihkah tuan hamba percaya?  
Tamadun yang kita warisi daripada keutuhan sejarah  
kita jadikan asas kenegaraan kala menuntut kebebasan  
agama tonggak kehidupan  
bahasa wahana pemikiran  
budaya teras peradaban  
hak peribumi dikembalikan  
hak saudara senegara diperkongsikan  
raja nan adil dipertuankan  
Maaf hamba bertanya:

Masihkah semua itu tuan hamba pertahankan  
dalam mengemudikan watan?

Dalam sajak di atas penulis menghimbau tentang kejayaan yang dicapai oleh bahasa Melayu pada masa lalu dan mempersoal jati diri pemerintah terhadap bahasa Melayu. Ketika merangka perlembagaan negara Malaysia, kebudayaan Melayu yakni agama Islam, bahasa Melayu, raja-raja Melayu telah dijadikan asas pembinaan sebuah negara yang berdaulat hasil persetujuan bersama-sama masyarakatnya yang berbilang bangsa. Hal ini tergambar melalui ungkapan *tamadun yang kita warisi, daripada keutuhan sejarah, kita jadikan asas kenegaraan kala menuntut kebebasan, agama tonggak kehidupan, bahasa wahana pemikiran, budaya teras peradaban, hak peribumi dikembalikan, hak saudara senegara diperkongsikan, raja nan adil dipertuankan*. Melalui ungkapan *Masihkah semua itu tuan hamba pertahankan, dalam mengemudikan watan?* Membawa maksud usaha menyuburkan elemen jati diri tidak dilaksanakan dengan jayanya dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Berdasarkan penelitian, pemilihan dan penggunaan bahasa dalam sajak dapat menyampaikan maklumat dengan lebih sistematik dan dapat ditanggapi maksudnya.

Seterusnya pada petikan awal sajak, ungkapan *Masihkah tuan hamba percaya, Tamadun kita sudah cemerlang, gemilang dan terbilang, pada zaman kesultannya, di serata pelosok Alam Melayu, wujud kerajaan dengan daulatnya, hidup bersendikan adat, adat bersendikan syarak* digunakan oleh penulis dalam sajak adalah selaras dengan prinsip pertama DKK iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Ungkapan tersebut digunakan penyair berdasarkan pertimbangan sejarah dan bahasa masyarakat di alam Melayu.

Melalui sajak di atas, penulis memahami dengan jelas fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu rakyat berbilang kaum di Malaysia. Manifestasi pemikiran penulis ini didapati selaras dengan agenda perjuangan bahasa yang berusaha untuk memastikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan terus dikembangkan dan diperluas. Ungkapan sajak di atas mencerminkan JDK yang harus dilestarikan oleh warga Malaysia bagi mengelakkan daripada timbulnya sebarang konflik perkauman. Hal ini kerana, unsur tradisi dalam perlembagaan yang telah telah disepakati bersama seperti agama Islam, budaya Melayu, bahasa Melayu dan raja-raja Melayu sentiasa menjadi polemik dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Sajak di atas sejajar dengan peranan bahasa Melayu yang mengutarakan hasrat perpaduan yang harus dicapai antara masyarakat majmuk di Malaysia, sekali gus mengapresiasi prinsip DKK, iaitu agama Islam, bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu sebagai teras JDK.

Oleh hal yang demikian, penyair Abizai menyarankan agar rakyat Malaysia tidak menjadikan keadaan perbezaan bahasa yang wujud sebagai penghalang semangat keharmonian dalam kalangan masyarakat. Hal ini diungkapkan oleh beliau melalui sajak berjudul “Menerima Perbezaan” (*Sinar Benar*, 2011, p. 55) dalam petikan sajak adalah seperti yang berikut:

...  
 Dengan bahasa yang satu  
 lorong berliku bakal bertemu  
 dengan berbahasa tunggal  
 mesra berbunga layulah janggal.

Dengan berlainan fikiran  
 akan terbuka ribuan jendela  
 tempat menjenguk ragam kemungkinan  
 menjangkau daerah kelebihan.

Dalam sajak di atas, penyair menghubungkan persoalan perbezaan bahasa, melalui isu pemartabatan bahasa Melayu. Ungkapan dengan bahasa yang satu dan dengan bahasa yang tunggal dalam sajak di atas dapat dimaksudkan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa yang telah diiktiraf kedudukannya dalam negara. Bahasa Melayu telah mengambil peranannya sebagai bahasa kebangsaan sejak tahun 1967. Setiap rangkap sajak secara keseluruhannya memainkan peranan untuk menengahkan kesatuan idea yang ingin diangkat dalam sajak. Melalui penggunaan dan pemilihan kata yang selektif dalam setiap rangkap berupaya menggambarkan perkaitan dengan isu pemartabatan bahasa Melayu di Malaysia.

Bagi penyair dengan menerima perbezaan yang wujud ini akan dapat mendatangkan banyak kelebihan kepada negara. Dengan satu bahasa, kemesraan, kemakmuran dan keharmonian lebih mudah dijalinan dalam pembinaan negara bangsa yang unik seperti di Malaysia. Kecenderungan sajak mengangkat persoalan pemartabatan bahasa Melayu dengan penerimaannya sebagai unsur pemersatu rakyat Malaysia adalah selaras dengan prinsip DKK, iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini yang dalam konteks perbincangan ini, membawa pengertian bahasa Melayu. Oleh sebab itu, penulis prihatin tentang fungsi bahasa Melayu sebagai wadah penyatuan bangsa Malaysia yang berkesan melalui penghayatan jati diri bahasa.

Seterusnya, isu pemartabatan bahasa Melayu diungkapkan oleh penyair Poul Nanggang dalam sajaknya berjudul “MOU Bahasaku” (*Permata Kalbu*, 2010, pp. 35 – 36) dalam r :1, b:1 – 4 dan r:3, b:1 – 5 seperti yang berikut:

Bahawa termeterai MOU  
pemimpin dengan marhaen bangsaku  
pada tarikh yang tidak tertulis  
di bumi negaraku Malaysia.

...

MOU ini bukan untuk menindas  
bukan cari salah dan silap  
bukan untuk nafsu ganas  
tapi untuk panduan negara bangsa.

...

Dalam sajak di atas penyair menyatakan pendiriannya tentang “memorandum persefahaman bahasa” yang telah dipersetujui sejak

kemerdekaan, seperti sebuah perjanjian yang telah dipersetujui antara kaum dalam membina sebuah negara bangsa yang harmoni. Namun begitu, isu bahasa, iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan terus ditimbulkan sehingga ke hari ini. Bagi penyair, memorandum persefahaman yang telah dipersetujui haruslah dihormati demi mencapai perpaduan dan keharmonian yang erat dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Menurut penyair, MOU ini bukan untuk menindas, bukan cari salah dan silap, bukan untuk nafsu ganas, tapi untuk panduan negara bangsa. Karya sastera seperti sajak ialah gambaran interaksi penulis terhadap persekitarannya yang dijelmakan penulis dalam karya. Rangkap tersebut menonjolkan semangat JDK antara masyarakat yang berlainan latar belakang, bangsa dan agama agar hidup dalam muhibah dengan mengelak sebarang prejudis. Rangkap tersebut merupakan manifestasi tentang isu sosial yang dikemukakan dalam sajak yang seterusnya memperlihatkan kepentingan pemartabatan bahasa Melayu selaras dengan prinsip pertama DKK.

Di samping itu, dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat perlu dilestarikan. Penggunaan bahasa rojak dan tatabahasa yang salah harus dielakkan demi memajukan bahasa Melayu. Hal ini diungkapkan oleh penyair Hilmi Rindu melalui sajaknya berjudul “Bahasa Alat Perhubungan” (Bagai Ada Sesuatu, 2010, p. 78) melalui petikan seperti berikut:

Tukarkan talipon kepada telefon  
tukarkan *fax* kepada faks  
bahasa itu alat perhubungan  
Melayu itu bangsa sanjungan.

Tukarkan *I* kepada saya  
tukarkan *so* kepada sekian  
memang kita sering terlupa  
mana yang *silent* mana yang diam.

Di sana bukan disana  
dalam kenyataan bukan di dalam  
tiada titik selepas seruan  
tiada cantik tanpa senyuman.

Tukarkan kendi kepada kundi  
baharu berpadu si merah saga

kerana yang cantik itu budi  
yang maju biarlah bahasa.

Dalam sajak di atas, penyair memberikan panduan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. Dapatlah dikatakan bahawa penyair menyampaikan dakwah bahasanya dalam sajak ini sebagai keprihatinannya dalam menyokong pendaulatan bahasa Melayu. Seperti kata penyair, *Tukarkan talipon kepada telefon, tukarkan fax kepada faks* yang memberi panduan ejaan. Seterusnya *Di sana bukan disana, dalam kenyataan bukan di dalam, tiada titik selepas seruan* yang memberikan panduan ringkas tentang penggunaan tatabahasa. Selanjutnya, *Tukarkan I kepada saya, tukarkan so kepada sekian, memang kita sering terlupa, mana yang silent mana yang diam* merupakan kritik sosial penyair kepada masyarakat yang sering menggunakan bahasa rojak dalam kehidupan seharian. Sajak ini disudahi dengan hasrat penyair yang mahukan bahasa Melayu digunakan secara betul sebagai wadah negara yang maju dan harmoni seperti kata penyair *Tukarkan kendi kepada kundi, baru berpadu si merah saga, kerana yang cantik itu budi, yang maju biarlah bahasa*.

Kecenderungan sajak dan keprihatinan penyair mengangkat persoalan pemertabatan bahasa Melayu sebagai unsur pemersatu rakyat Malaysia adalah selaras dengan prinsip DKK sebagai elemen pengukuhan JDK. Sajak ini secara keseluruhannya dapat menjelaskan kesatuan idea terhadap usaha pemertabatan bahasa Melayu yang ingin diketengahkan dalam sajak.

Sajak oleh Abdul Hadi Yusoff berjudul “Panji Bahasa Janji Bangsa” (*Carilah Cari*, 2015, p. 68) turut mengungkapkan isu tentang pemertabatan bahasa Melayu. Menurut penyair bahasa ibunda telah digunakan secara meluas dalam urusan negara yang mencakupi fungsinya sebagai bahasa pentadbiran. Namun begitu, penyair mempersoalkan usaha memartabatkan bahasa Melayu yang dilihatnya dilakukan tidak bersungguh-sungguh. Penyair menggesa agar berlaku jujur terhadap perjuangan memartabatkan bahasa Melayu kerana terpicul tanggungjawab yang besar menjunjung amanah bangsa. Hal ini dapat dilihat pada r:2,b:9 – 16 dan r:4,b:1 – 4 dalam petikan seperti di bawah:

...  
dengan bahasa ibunda kita berfikir  
kita mentadbir tanpa meminggir ilmuan  
suara alunan penyair tanah air  
dengan bahasa kita meneroka



teras rimba raya menjadi arus kota raya  
kita membina empayar slogan  
namun pencawang bahasa ibunda  
kita biarkan tumbang?

Dalam sajak di atas penggunaan kata “bahasa ibunda” yang diulang beberapa kali oleh penulis menimbulkan penegasan terhadap keseluruhan idea sajak. Ungkapan tersebut ialah lambang atau simbol yang menggambarkan pemertabatan bahasa Melayu di Malaysia dan berkait erat dengan latar bahasa Melayu itu sendiri yang membawa maksud asal seperti seorang anak berasal daripada seorang ibu. Penggunaan kata tersebut memberikan kesan kepada isi sajak sekali gus menggambarkan hasrat JDK seperti yang terkandung dalam prinsip pertama DKK.

Penyair Sabar Bohari melalui sajaknya berjudul “Melayu dan Bahasa Melayu” (*Hujan Emas di Negeriku*, 2010, p. 109) turut berpesan agar bahasa Melayu terus dipelihara. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

...  
pelajarilah susur galur budaya moyang  
tutur kata sopan santun yang gemilang  
disusuli ilmu baru yang menjamin  
kehidupan cemerlang  
dihiasi dengan hukum-hukum agama  
anutan dari zaman dahulu kala.

Bangsa yang besar mengagungkan budayanya  
bangsa yang bersatu padu cintakan bahasanya  
bangsa yang bermaruah sayangkan agamanya  
berdirinya keadilan, kemakmuran dan keharmonian  
kerana kebijaksanaannya.

Dalam sajak di atas, penulis mengungkapkan pelajarilah *susur galur budaya moyang*, *tutur kata sopan santun yang gemilang*. Peranan kata yang digunakan oleh penyair mempunyai perkaitan dengan budaya masyarakat Melayu itu sendiri yang menjurus kepada maksud asal, iaitu setiap generasi atau keturunan berasal daripada moyang. Dalam konteks ini moyang bererti asal, iaitu bapa atau ibu kepada datuk sebelum kita ada. Sajak memunculkan idea terhadap pemertabatan bahasa Melayu dengan memilih diksi “moyang” yang digunakan oleh penulis yang membawa maksud asal usul yang dapat

dikaitkan dengan prinsip pertama DKK, iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.

Dalam sajak di atas, penyair Sabar Bohari mengungkapkan bahawa salah satu teras bangsa Melayu ialah bahasa Melayu. Sekiranya bahasa Melayu gagal dipertahankan, bangsa Melayu juga akan pupus. Selain itu, penyair berharap agar warisan budaya Melayu yang mementingkan sopan santun berteraskan agama Islam harus dipertahankan kerana nilai moralnya menjamin kehidupan dan kesejahteraan hidup yang unggul. Dengan pemertabatan budaya, bahasa dan agama yang menjadi tunjang jati diri Melayu ini, keharmonian dan semangat muhibah dalam kalangan masyarakat akan dapat dicapai dalam pembentukan generasi yang cemerlang, seperti kata penulis Bangsa yang besar mengagungkan budayanya, bangsa yang bersatu padu cintakan bahasanya, bangsa yang bermaruah sayangkan agamanya, berdirinya keadilan, kemakmuran dan keharmonian, kerana kebijaksanaannya.

Sajak-sajak di atas dilihat membawa matlamat yang penting, iaitu isu pemertabatan bahasa Melayu. Idea dan pendirian yang dibawa oleh penyair dalam sajak diolah dengan mesej tertentu, lalu dipulangkan kepada pembaca untuk menilai dan mentafsirkan kebenarannya. Penyair prihatin terhadap keperluan pengisian pemikiran pembaca agar mencintai bahasa dan negaranya, dan disampaikan dengan bahasa yang tepat dan indah. Dalam masa yang sama, penyair telah memainkan peranannya melalui pengolahan sajak yang membawa agenda yang serius dalam menyokong elemen teras JDK kebangsaan sebagai tunjang pembinaan negara bangsa. Isi sajak mengangkat persoalan pemertabatan bahasa Melayu dilihat sejajar dengan prinsip DKK, iaitu kebudayaan rakyat asal rantau ini dijadikan sebagai teras Kebudayaan Kebangsaan, sekali gus mengukuhkan JDK dalam konteks di Malaysia.

### **Pengukuhan Akta dan Dasar Bahasa Negara**

Seterusnya, JDK boleh dicapai melalui pengukuhan pelaksanaan akta dan dasar bahasa negara. Oleh itu, JDK yang mencerminkan pemilikan bersama masyarakat terhasil sekiranya usaha pengukuhan akta dan dasar bahasa itu diberikan keutamaan. Pemertabatan bahasa Melayu ialah perihal usaha dan peranan yang dilakukan oleh pihak tertentu terhadap perancangan bahasa Melayu yang seterusnya dapat mengangkat JDK. Usaha pemertabatan bahasa Melayu ini dapat dilihat melalui sumbangan para penulis dalam sajak antaranya melalui suara penulis terhadap pengukuhan akta dan dasar negara

yang berkait dengan bahasa Melayu. Isu penegasan semula pelaksanaan akta dan dasar bahasa kebangsaan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa disuarakan oleh penyair.

Bahagian ini membincangkan sajak yang dapat dikaitkan dengan aspek pengukuhan akta dan dasar bahasa kebangsaan yang dapat dilihat sebagai wadah pembinaan JDK di Malaysia. Kedudukan dan peranan bahasa Melayu ini diperkukuh dengan peruntukan perlembagaan dan dasar bahasa yang berkaitan. Menurut Abdul Latiff, (2017, p. 134) kedudukan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain disebut dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (disemak 1971). Daripada kedua-dua undang-undang induk tersebut telah diperluas tafsiran terhadap kedudukan dan fungsi bahasa Melayu dalam beberapa undang-undang lain, serta dalam peraturan jabatan. Dengan itu, dapatlah dikatakan negara kita mempunyai “Dasar Bahasa Negara”. Secara ringkasnya, undang-undang Malaysia menetapkan perkara yang berikut:

- (a) Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia.
- (b) Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi bagi melaksanakan maksud-maksud kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.
- (c) Rakyat Malaysia tidak dilarang menggunakan bahasa-bahasa lain.

Oleh hal yang demikian, beberapa sajak cenderung mengemukakan isu pengukuhan akta dan dasar bahasa dalam sajak sebagai manifestasi pemikiran penyair terhadap pelestarian JDK. Ini seperti yang diungkapkan oleh penyair Nassury Ibrahim berjudul “Alkisah, Maka Tersebutlah Ceritera Hikayat 152 (2)” (*Gelodak Rasa*, 2014, p. 22) seperti di bawah:

...  
 seperti rindu akar teratai  
 aku rindu zat akar  
  
 seperti Palestin mencari negaranya  
 aku mencari negaraku.

Sajak di atas mengangkat agenda pengukuhan perkara 152. Hal ini jelas melalui tajuk sajak iaitu “Alkisah, Maka Tersebutlah Ceritera Hikayat 152

(2)”. Melalui ungkapan 152 tersebut menggambarkan penyair menyebut tentang peruntukan bahasa Melayu dalam perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan walau bagaimanapun tidak menafikan hak bahasa lain untuk digunakan dan dikembangkan. Selain itu penggunaan ungkapan *aku rindu zat akar* dapat dikaitkan dengan maksud asal usul ataupun asal keturunan seperti pemartabatan bahasa Melayu yang wajar menjadi pengisian jati diri kebangsaan. Hal ini juga didapati selaras dengan prinsip pertama DKK, iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini. Dalam sajak, isu pengukuhan akta dan pembelaan nasib bahasa Melayu menjadi cetusan pemikiran penyair. Seperti kata penyair, *seperti Palestin mencari negaranya, aku mencari negaraku*. Bagi penyair, seperti sedihnya kehilangan sebuah negara, samalah seperti kehilangan sebuah bahasa. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan citra negara bangsa Malaysia yang harus dipelihara. Setiap rakyat bertanggungjawab untuk memartabatkannya.

Di samping itu, sajak oleh Ahmad Razali Yusoff yang berjudul “Menagih Janji dari Sebuah Akta” (*Di Negara Bayang*, 2011, p. 102) meneruskan agenda pengukuhan akta bahasa kebangsaan. Hal ini dapat dilihat seperti dalam petikan di bawah:

Mencipta akta bahasa untuk memperkasa laluan  
menjadi agenda utama kepada sebuah negara  
yang akan merempuh waktu dan zaman merdeka  
tetapi apabila telah bermaktub sang petualang  
sering tidak memberikan laluan seperti yang dijanjikan  
sehingga suara orang-orang kecil  
menjadi lebih berani dan lantang menentang  
untuk mengangkat kekecewaannya ke dalam ruang  
yang lebih jauh membongkar kata tidak bermakna  
namun, aku semakin tumbuh mencari susur makna  
ke dalam diri, sambil merengkuh kehidupan  
di dunia raungku.

Dalam sajak di atas penyair mengungkapkan bahawa akta bahasa ialah agenda penting bagi negara Malaysia berkembang maju. Walau bagaimanapun, matlamat tersebut menjadi sukar kerana tidak mendapat kerjasama. Ungkapan *tetapi apabila telah bermaktub sang petualang*,

*sering tidak memberikan laluan seperti yang dijanjikan* menggambarkan kekecewaan penyair terhadap rakyat yang tiada jati diri kebangsaan kerana tidak menghormati akta bahasa. Dalam pembinaan negara bangsa menghormati akta dan perlembagaan negara adalah dituntut sesuai dengan kedudukannya sebagai undang-undang tertinggi negara. Bagi penyair mencintai bahasa bererti mencintai negara. Namun begitu, kedudukan bahasa Melayu terus dicabar dari semasa ke semasa. Hal ini menimbulkan suasana yang kurang senang dalam kalangan pejuang bahasa Melayu. Melalui manipulasi kata dalam sajak, penulis menonjolkan isu bahasa Melayu sebagai unsur penting dalam pemantapan JDK. Tegasnya, pengukuhan akta dan dasar negara memainkan peranan yang penting dalam pembinaan JDK dan menepati prinsip DKK itu sendiri.

Seterusnya, sajak oleh Poul Nanggang berjudul “Bahasaku Bahasa Melayu” (Permata Kalbu, 2010, pp. 23 – 24) turut membawa misi yang sama, iaitu pengukuhan akta dan dasar bahasa negara seperti yang berikut:

...

Bahasaku  
 perlambangan bangsa Malaysia  
 perkara 152 sudah ditinta  
 sumpah janji setia dimeterai  
 menomborsatukan bahasa Melayu  
 di persada ilmu  
 memercukan wacana dan wahana  
 falsafah lewat bahasa  
 lahir indah budaya bangsa  
 kita Melayu se-nusantara diaspora.

Dalam sajak di atas, penyair mengungkapkan bahasa Melayu sebagai citra bangsa Malaysia dengan penuh harapan dan nada positif. Ungkapan *Bahasaku, perlambangan bangsa Malaysia, perkara 152 sudah ditinta, sumpah janji setia dimeterai, menomborsatukan bahasa Melayu, di persada ilmu* menggambarkan bahasa Melayu melalui fungsinya yang bersifat menyeluruh telah memacu negara ke arah masa depan yang berkembang maju. Pemilihan dan penggunaan bahasa dalam ungkapan tersebut menjelaskan idea penulis terhadap pengukuhan akta dan dasar negara yang patut dipatuhi dan dihormati oleh rakyat. Dalam konteks ini, sajak dilihat telah memainkan peranannya untuk membina pemikiran pembaca dan meletakkan sajak sebagai wadah JDK yang perlu dipentingkan oleh masyarakat.

Selanjutnya, suara penyair tentang pengukuhan akta dan perlembagaan negara dikesan dalam sajak oleh Awang Sariyan yang bertajuk “Kalau Memang Mahu” (2012, p. 38) dengan matlamat yang sama, iaitu memartabatkan bahasa Melayu seperti dalam petikan berikut:

...

Kalau memang mahu  
dulu kita bisa memaktubkan perlembagaan  
berdasarkan wahyu.  
Kalau memang mahu  
dulu kita bisa memutuskan citra negara  
berdasarkan wangsa jitu.

Lamun lakaran sejarah negara telah dirobah  
atas cita dan tuntutan penjajah  
kita sanggup memberi dan beralah  
atas nama toleransi, integrasi, demokrasi dan muhibah  
kita redha, akur dan pasrah  
kendatipun kian sering jiwa kita menjadi gundah.

Dalam sajak di atas, Awang Sariyan mengungkapkan sejarah yang telah dipersetujui berhubung kedudukan bahasa Melayu dalam negara. Dalam konteks ini, penggunaan sesuatu kata oleh penulis dalam sajak dapat menyampaikan maklumat dengan lebih sistematik serta dapat ditanggapi maksudnya. Penggunaan kata oleh penulis seperti perlembagaan, negara, wangsa dan muhibah dalam rangkap tersebut menggambarkan idea sajak yang menjurus kepada pemantapan JDK. Sesuai dengan negara Malaysia yang mengamalkan pelbagai agama dan budaya keharmonian antara kaum amat dipentingkan. Sehubungan dengan itu, perlembagaan perlu difahami sebaik mungkin kerana perlembagaan merupakan undang-undang asas bagi sesebuah negara. Perlembagaan yang telah termaktub haruslah dihormati oleh semua pihak bagi mengelak berlakunya perkara yang boleh menggugat perpaduan antara kaum yang telah terjalin dengan harmoni sebelum ini. Bagi penyair, toleransi kaum Melayu besar ertinya untuk menerima tuntutan penjajah pada ketika itu. Sajak dilihat telah memainkan peranannya sebagai wadah JDK yang bertujuan untuk membimbing pemikiran masyarakat. Hal ini adalah selari dengan prinsip DKK yang menjurus kepada matlamat murni keharmonian kaum selepas peristiwa 13 Mei 1969.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati bahawa rata-rata persoalan yang diungkapkan dalam sajak adalah berkaitan dengan isu pemartabatan bahasa Melayu serta isu pengukuhan akta dan Dasar Bahasa Negara. Sajak diolah dengan teliti dan informatif di samping membawa misi dan matlamat untuk masyarakat. Agenda ini dilihat membawa idealisme untuk membina negara bangsa dan memelihara kedaulatan tanah air yang seterusnya menyerlahkan JDK dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Selain itu, melalui sentuhan sensitiviti yang tinggi, sajak juga berupaya mencetuskan pemikiran masyarakat. Isu-isu yang timbul ini telah memberi kesempatan kepada penyair untuk menjadi lebih peka dan jujur dalam pengkaryanya. Dengan menghimpunkan pengalaman bahasa yang jujur itu, sajak menghasilkan sudut pandang serta pendirian yang tegas dan lantang. Walau bagaimanapun, pengungkapan sajak dalam konteks ini masih lagi terkawal. Hal ini kerana penerbitan DBP ialah saluran yang perlu menjaga sensitiviti antara kaum. Kepenyairan seperti ini memberikan sumbangan penting kepada pembinaan JDK kerana tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang negara malah selaras dengan DKK yang ingin memelihara keharmonian antara kaum melalui peranan bahasa kebangsaan.

Sehubungan dengan itu, sajak-sajak yang dianalisis telah menonjolkan bahasa Melayu sebagai unsur teras dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Di samping menepati peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar yang berkaitan. Oleh hal yang demikian pembinaan JDK dalam konteks di Malaysia harus memperakukan kepentingan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Berdasarkan analisis didapati JDK dalam konteks di Malaysia harus mementingkan pembinaan negara bangsa berasaskan kepada pemartabatan bahasa Melayu dalam konteks penggunaan yang rasmi dan meluas. Walau bagaimanapun hal ini diimbangi dengan kebebasan penggunaan bahasa-bahasa yang lain melalui peruntukan sedia ada. Sebanyak 13 sajak tentang isu bahasa Melayu telah dianalisis berdasarkan prinsip pertama DKK yang menggariskan kebudayaan rakyat asal rantau ini sebagai teras kebudayaan kebangsaan Malaysia. Analisis tersebut telah memperakukan bahasa Melayu sebagai teras JDK.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Yusoff. (2015). *Carilah cari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif bin Abu Bakar. Menghayati fungsi komunikasi puisi Melayu dalam pembinaan jati diri warga Malaysia. Syarahan Perdana sempena pengiktirafan Jawatan Profesor, Universiti Malaya pada 4 Oktober 2004.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (2017). Cabaran dasar sastera dan bahasa kebangsaan. In Hashim Ismail (Ed.), *Kebudayaan kebangsaan dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abizai. (2011). *Sinar benar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Razali Yusof. (2011). *Di negara bayang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2017). Bahasa Melayu menjadi pembina dan penyatu bangsa dan negara Malaysia. In Hashim Ismail (Ed.), *Kebudayaan kebangsaan dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2017). Peri pentingnya penegasan pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam bidang penyiaran untuk memperkukuh asas citra kebudayaan kebangsaan. In Hashim Ismail (Ed.), *Kebudayaan kebangsaan dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2012). *Mencari makna diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hilmi Rindu. (2010). *Bagai ada sesuatu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (Julai 2015). Kebudayaan kebangsaan tunjang negara bangsa. *Dewan Budaya*.
- Kua Kia Soong. 13 Mei, *Dokumen –dokumen deklasifikasi tentang rusuhan 1969 Malaysia*. Kuala Lumpur: Polar Vista Sdn. Bhd. 2008.
- Md. Salleh Yaapar. (2015). Pernyataan Pengerusi Lembaga Pengelola DBP. In *Laporan tahunan DBP*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nassury Ibrahim. (2014). *Gelodak rasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim. (2017). *Islam dan Melayu dalam perlembagaan tiang seri hubungan etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Poul Nanggang. (2010). *Permata kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabar Bohari. (2010). *Hujan emas di negeriku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid. (2017). Visi dan misi kebudayaan kebangsaan pada abad ke-21. In Hashim Ismail (Ed.), *Kebudayaan Kebangsaan Dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Received: 5 September 2018

Accepted: 22 November 2018